


SEMINAR PENGUNAAN BAHASA MELAYU DI SABAH

*“PENGARUH BAHASA MELAYU
DALAM PEMODENAN BUDAYA BUMIPUTERA
DI SABAH, KHUSUSNYA MASYARAKAT
KADAZANDUSUN DAN MURUT”*

oleh
PUAN RITA LASIMBANG

pada
25 OKTOBER 1997



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
CAWANGAN SABAH



MAJLIS BAHASA DAN SASTERA SABAH



YAYASAN SABAH
(Pusat Kajian Borneo)

anjuran bersama
MAJLIS BAHASA DAN SASTERA SABAH (MBSS),
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SABAH
dan
PUSAT KAJIAN BORNEO, YAYASAN SABAH

**PENGARUH BAHASA MELAYU DALAM PEMODENAN
BUDAYA BUMIPUTERA DI SABAH,
KHUSUSNYA MASYARAKAT KADAZANDUSUN DAN MURUT**

oleh

Rita Lasimbang
Yayasan Bahasa Kadazandusun
(The Kadazandusun Language Foundation - KLF)

Kertas Kerja dibentangkan di "Seminar Penggunaan Bahasa Melayu Di Sabah"
anjuran bersama
Majlis Bahasa dan Sastera Sabah (MBSS) dengan kerjasama
Pusat Kajian Borneo, Yayasan Sabah dan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah
pada 25 Oktober 1997 di Shangri-La's Tanjung Aru Resort, Kota Kinabalu

1. Pengenalan

Setiap masyarakat itu bergantung kepada komunikasi untuk memastikan kesinambungan kewujudannya. Segala cara hidup bermasyarakat, maklumat atau informasi mengenai kehendak, kedudukan emosi dan keinginan seseorang individu disampaikan melalui komunikasi.

Manusia telah mencipta dan menggunakan berbagai-bagai sistem untuk berkomunikasi di antara satu sama lain, tetapi sistem yang paling penting, di mana-mana masyarakat pun adalah melalui bahasa.

Bahasa ialah satu sistem penghantar ilmu pengetahuan. Bahasa digunakan untuk menghasilkan dan menginterpretasikan, menjelaskan atau menerangkan kata-kata dalam pertuturan atau percakapan.

Budaya pula didefinisikan sebagai pengetahuan yang diperolehi (acquired knowledge) yang digunakan oleh manusia untuk menginterpretasikan pengalaman dan membina dan menjanakan tingkah laku. Budaya dan komunikasi tidak dapat dipisahkan. Oleh itu, kita seharusnya menyedari latar belakang budaya kita sendiri dan mempelajari latar belakang budaya mereka yang ingin kita hubungi. Dalam proses ini, bahasa memainkan peranan yang penting.

Dalam usaha-usaha membangunkan masyarakat berbagai-bagai kaum, bahasa juga memainkan peranan utama kerana melalui bahasalah maka ilmu pengetahuan dapat disebarkan kepada semua.

Kertas kerja ini membincangkan secara ringkas sejauh manakah proses pemodenan budaya Kadazandusun dan Murut dipengaruhi oleh bahasa Melayu. Apakah kaitan antara bahasa Melayu dengan kemajuan dan cara pemikiran masyarakat Kadazandusun dan Murut pada masa kini serta sejauh manakah bahasa Melayu membantu dalam perkembangan bahasa dan budaya Kadazandusun dan Murut dan sebaliknya.

2. Penyerapan dan penyebaran bahasa Melayu di kalangan masyarakat Kadazandusun dan Murut: Bagaimana, Bila dan Mengapa

Pengaruh bahasa Melayu di kalangan masyarakat Kadazandusun dan Murut telah kelihatan lama dahulu hinggalah pada masa ini.

(a) Lingua franca

i. Antara bahasa

Bahasa Melayu telah menjadi lingua franca negara Malaysia dan digunakan untuk berkomunikasi di antara penduduk berbilang kaum di negara ini. Bagi masyarakat bandar, bahasa Melayu sememangnya menjadi bahasa untuk komunikasi dan berurusan.

ii. Antara dialek

Bahasa Melayu juga digunakan oleh masyarakat yang berlainan ^{dialek} untuk berkomunikasi. Dalam pertemuan dan mesyuarat di peringkat kampung, bahasa Melayu digunakan, termasuklah pencatitan minit.

(b) Bahasa Melayu bahasa pengantar di sekolah

Bahasa pengantar di sekolah-sekolah di Sabah telah ditukar daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu pada tahun 1970'an. Oleh itu, generasi baru masyarakat Kadazandusun dan Murut terdedah kepada bahasa Melayu. Oleh kerana bahasa tersebut diajar di sekolah, murid-murid belajar menulis, membaca dan bertutur dalam bahasa Melayu. Peperiksaan dalam bahasa Melayu mendorong murid-murid untuk belajar menggunakannya dengan betul.

(c) Bahasa Melayu bahasa rasmi

Bahasa Melayu adalah bahasa rasmi negara Malaysia. Oleh itu, masyarakat Kadazandusun dan Murut tidaklah ketinggalan dalam pembelajaran bahasa Melayu. Semua urusan rasmi dan surat-menyurat di jabatan kerajaan mestilah ditulis dalam bahasa Melayu.

(d) Media

Bahasa Melayu juga disebarkan kepada masyarakat Kadazandusun dan Murut melalui media massa seperti televisyen, radio dan bahan-bahan bacaan – majalah dan surat khabar.

(e) Perkahwinan campur

Perkahwinan campur juga tidak ketinggalan dalam penyerapan bahasa Melayu di kalangan masyarakat Kadazandusun dan Murut. Bahasa Melayu digunakan dalam pertuturan pasangan suami isteri yang mempunyai bahasa atau dialek yang berlainan. Justeru itu, bahasa Melayu digunakan ketika bertutur dengan anak-anak mereka.

3. Cabaran masyarakat Kadazandusun dan Murut dalam menghadapi pengaruh bahasa Melayu

(a) Sebutan bahasa Melayu dipengaruhi oleh logat

Masyarakat Kadazandusun dan Murut memang sedia maklum bertutur dalam bahasa Melayu tetapi sebutan mereka dipengaruhi oleh logat bahasa ibunda masing-masing. Contohnya,

1. cakap disebut sebagai /sakap/
2. pancing disebut sebagai /pansing/
3. memancing disebut sebagai /mamansing/
4. benar disebut sebagai /banar/
5. belanja disebut sebagai /balanja'/
6. benang disebut sebagai /banang/
7. kertas disebut sebagai /karatas/

Nota:

/e/	→	/a/	seperti dalam contoh 4 - 7
/ch/	→	/s/	seperti dalam contoh 1 - 3
v.	→	v'	seperti dalam contoh 5
kvkkvk	→	kvkvkv	seperti dalam contoh 7

v = vokal, k = konsonan

(b) Gaya penulisan bahasa Melayu

Bahasa Kadazandusun dan Murut mempunyai sejarah lisan yang lama. Penulisan dalam bahasa Kadazandusun dan Murut baru sahaja dimulakan. Bahasa Kadazandusun telah mula diajar pada peringkat percubaan pada tahun ini. Bahasa Murut belum lagi. Oleh itu generasi muda lebih arif menulis dalam bahasa Melayu dan apabila cuba menulis dalam bahasa Kadazandusun atau Murut, gaya penulisan dipengaruhi oleh gaya penulisan bahasa Melayu.

(c) Peminjaman perkataan bahasa Melayu

i. Peminjaman positif

Beberapa perkataan bahasa Melayu telah dipinjam ke dalam bahasa Kadazandusun dan Murut terutama bagi benda yang tidak ada istilah dalam bahasa Kadazandusun dan Murut. Peminjaman nama ini berlaku ketika sesuatu peralatan itu baru diperkenalkan kepada masyarakat Kadazandusun dan Murut. Walau bagaimanapun, sebutannya akan diubah sedikit mengikut logat penutur. Contohnya,

1. kereta disebut sebagai /kolita'/ atau /karita'/
2. selipar disebut sebagai /solipal/ atau /salipar/
3. goreng disebut sebagai /guling/ atau /guring/
4. meja disebut sebagai /mija'/

ii. Peminjaman negatif

Kadangkala peminjaman boleh berleluasa sehinggakan benda atau istilah yang sedia ada dalam bahasa sendiri/ibunda diganti dengan istilah bahasa Melayu. Akibatnya banyak perkataan dalam bahasa Kadazandusun dan Murut telah dilupakan dan tidak lagi digunakan. Ini mendatangkan kerugian banyak dari segi kekayaan bahasa ibunda/bumiputra.

(d) Pengaruh selain daripada peminjaman bahasa

Selain daripada peminjaman bahasa, fesyen Melayu juga menjadi ikutan orang Kadazandusun dan Murut. Baju kurung dan kebaya adalah baju kebangsaan yang digunakan oleh berbagai-bagai kaum termasuklah masyarakat Kadazandusun dan Murut. Masyarakat Kadazandusun dan Murut juga gemar dengan masakan Melayu. Beberapa petua, amalan dan pantun Melayu juga digunakan oleh segelintir orang Kadazandusun dan Murut. Petua kecantikan seperti melebatkan rambut, mencantikkan muka dan sebagainya juga diamalkan. Pantun Melayu berupa nasihat selalu digunakan apabila memberi nasihat. Peribahasa juga digunakan, seperti batu api, keras kepala dan lain-lain.

4. Sumbangan bahasa Kadazandusun dan Murut dalam perkembangan bahasa Melayu

Oleh kerana bahasa adalah dinamik (tidak statik), bahasa Kadazandusun dan Murut menyumbangkan kepada pemantapan dan perkembangan bahasa Melayu. Contohnya dalam Projek Pengumpulan Kosa Kata Bahasa Sukuan yang dikendalikan oleh DBP, beberapa perkataan daripada bahasa Kadazandusun dan Murut telah dipinjam untuk kosa kata bahasa Melayu.

Contoh kata sukuan Kadazandusun yang telah diserap ke dalam bahasa Melayu:

1. tuhanan - sejenis bantal atau tilam kecil yang digunakan sebagai alas kerusi dan lain-lain
2. sigupan - paip (berkenaan dengan menghisap paip)
3. kerop - bulu mata
4. anit - mengopek atau mengupas semua jenis kulit kayu sahaja
5. puralan - garisan-garisan yang terdapat pada tapak tangan dan kaki, atau yang biasa disebut "urat tapak tangan" atau "garis tapak kaki".

5. Penutup

Bahasa dan budaya adalah berkait rapat. Oleh itu budaya sesuatu masyarakat boleh mempengaruhi budaya masyarakat lain melalui bahasa. Bahasa Melayu sebagai satu sistem pengantar ilmu pengetahuan telah sedikit-sebanyak mempengaruhi budaya, bahasa dan cara pemikiran masyarakat Kadazandusun dan Murut.

Dalam usaha masyarakat Kadazandusun dan Murut untuk memelihara, mempromosi dan mengembangkan bahasa mereka, bahasa Melayu juga turut diserap dan disebarkan. Satu bahasa tidak semestinya mengganti bahasa yang satu tetapi saling mempengaruhi antara satu sama lain. Bahasa Kadazandusun dan Murut diperkayakan dengan bahasa Melayu dan pada masa yang sama bahasa Melayu diperkembangkan dengan penyerapan kata sukuan daripada Kadazandusun dan Murut. Maka wujudlah persefahaman dan perkongsian idea antara bahasa Kadazandusun dan Murut dengan bahasa Melayu.

Penghargaan

Diucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Cik Aloysia G. Moguil dan Cik Silipah Majius, kedua-dua kakitangan Yayasan Bahasa Kadazandusun, dan Puan Evelyn Annol atas sumbangan idea dalam penghasilan kertas kerja ini.